

NO. SOALAN: 142

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

DATUK WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapa banyak peniaga yang disyaki terlibat dalam pencatutan sudah disaman serta di dakwa sejak implementasi GST.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga **31 Mei 2015**, sebanyak **52 kertas siasatan** telah dihasilkan di bawah AKHAP 2011 iaitu **18 kertas siasatan** di bawah Seksyen 14(1) kerana **kesalahan mencatut**, **33 kertas siasatan** di bawah Seksyen 21(5) kerana **enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis** yang dikeluarkan dan **1 kertas siasatan** di bawah Seksyen 53A kerana **tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod**.

Daripada jumlah tersebut, kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah AKHAP 2011 sehingga 31 Mei 2015 adalah seperti yang berikut:

- i) **5 kes telah selesai** di Mahkamah iaitu 2 kes di Melaka, 1 kes di Negeri Sembilan, 1 kes di Kelantan dan 1 kes di Kuala Lumpur;
- ii) **kes yang telah dituduh dan masih belum selesai** adalah sebanyak **4 kes** iaitu 2 kes di Selangor, 1 kes di Pulau Pinang dan 1 kes di Johor; dan
- iii) **3 kes telah ditawarkan kompaun.**

SOALAN (143)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap waris penyewa di PPR telah meninggal dunia yang masih mendiami unit PPR tersebut tanpa mengisyiharkan kematian penyewa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri/Lembaga Perumahan/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk pengurusan, pengisian dan penyelenggaraan berdasarkan Memorandum Persefahaman Penyerahan. Sekiranya berlaku kematian penyewa, Pihak Kerajaan Negeri/Lembaga Perumahan/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh atas budi bicaranya untuk memindahkan nama waris bagi penyewaan unit rumah berkenaan tertakluk kepada syarat kelayakan yang ditetapkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015

RT12/144

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan program yang dikendalikan Kementerian untuk membantu pelajar-pelajar yang tercicir sama ada drop-out mahupun opt-out.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujud dan memperluas program-program bantuan seperti Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM).

Selain itu juga, KPM telah menyediakan kemudahan asrama di sekolah-sekolah terpilih dalam usaha untuk mengatasi keciciran. KPM berkeyakinan langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid. Selain bantuan yang dinyatakan, sekolah-sekolah KPM juga menyediakan khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan untuk meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

SOALAN : 145

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membatalkan permit kepada lori hantu atau lori yang berusia 30 tahun ke atas untuk berada di atas jalan raya memandangkan keadaan yang tidak lagi selamat serta tidak memenuhi aspek keselamatan yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengeluaran dan pembaharuan permit operasi/lesen pengendali termasuklah keperluan untuk lulus pemeriksaan PUSPAKOM serta penetapan had usia kenderaan adalah di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) (Semenanjung Malaysia) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Sabah dan Sarawak).

Dalam usaha untuk memastikan kenderaan perdagangan ini adalah selamat digunakan di atas jalan raya (*roadworthy*), Kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mewajibkan pemeriksaan berkala di PUSPAKOM bagi setiap enam bulan. Adalah menjadi syarat pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) bagi kenderaan perdagangan untuk mengemukakan disk PUSPAKOM sepermula yang diperuntukkan di bawah seksyen 17(1)(bb) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

SOALAN : 146

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan agar dasar Kaboutaj tidak menjaskan daya saing Sabah sebagai destinasi pelaburan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan telah mengadakan beberapa siri perbincangan mengenai Dasar Kabotaj dengan Kerajaan Negeri Sabah dan juga komuniti perniagaan dan perindustrian Sabah. Susulan dari perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri Sabah dan juga Kementerian Pengangkutan sedang mengkaji kos rantaian logistik termasuk perkhidmatan perkapalan di Sabah. Selain itu, pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga sedang memantau aktiviti pengawalan harga secara pakatan (*cartel*) di kalangan pemain industri perkapalan di Sabah.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi meningkatkan daya saing Sabah sebagai destinasi pelaburan, Kementerian Pengangkutan juga telah meminta Kerajaan Negeri Sabah untuk mengkaji cadangan mengadakan kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat perkapalan antarabangsa seperti pemilikan ekuiti operator pelabuhan. Melalui kerjasama sedemikian, pelabuhan-pelabuhan di Sabah akan menjadi lebih berdaya saing dan pilihan utama persinggahan kapal-kapal dan seterusnya menjadi *transhipment hub*.

Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan beberapa kementerian lain juga sedang dalam proses penyeragaman Kadar Cukai Jalan / Berat Dengan Muatan lori-lori di Sabah / Sarawak dengan Semenanjung Malaysia

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU
(TUARAN)
SOALAN : 147

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan melaksanakan pembinaan Jalan Telipok-Kiulu-Pukak-Pahu-Toboh-Rondoggung yang telah dijanjikan oleh YAB. Perdana Menteri semasa "walkabout" di Ranau sebelum PRU-13.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan ucapan Yang Berhormat, pihak JKR Sabah telah mengemukakan permohonan berkaitan pelaksanaan Projek Membina Jalan Telipok-Kiulu-Pukak-Pahu-Sinulihan-Lokos-Toboh-Rondoggung, Ranau tersebut kepada Kementerian ini dengan cadangan nama projek Jalan Pukak-Lokub-Sinopukan-Pahu, Tuaran dengan anggaran kos berjumlah RM104.0juta dan projek Jalan Pahu-Sinulihan-Toboh, Tuaran dengan anggaran kos projek berjumlah RM79.0juta. Oleh itu, pihak Kementerian telah memasukkan cadangan projek-projek tersebut dibawah senarai Rancangan Malaysia Ke-11.

Pihak Kementerian juga akan bekerjasama dengan JKR Sabah dengan membuat siasatan tapak yang terperinci bagi mendapatkan anggaran kos sebenar pelaksanaan projek-projek tersebut. Walaubagaimanapun, pelaksanaan projek-projek tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan UPE, JPM.

RT13/148

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan SMK Pekan Nabalu setakat ini.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, permohonan pengambilan tanah baharu untuk projek SMK Nabalu telah diluluskan dalam Mesyuarat Kegunaan Tanah Daerah. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sabah sedang dalam proses memohon kebenaran masuk awal untuk tujuan *survey* dan *soil investigation* bersekali dengan penilaian tanaman.

RT14/149

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan sekolah menengah, sekolah rendah dan TADIKA yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun, Bahasa Iban dan Bahasa Semai di seluruh negara serta bilangan guru-guru dan pelajar yang terlibat.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bahasa Kadazandusun diajar di 388 buah sekolah rendah melibatkan 31,786 murid dan 1,108 guru dan di 39 buah sekolah menengah, dengan 4,845 murid dan 98 guru. Manakala Bahasa Iban diajar di 335 sekolah rendah dan 62 sekolah menengah. Bilangan murid yang mengambil Bahasa Iban adalah seramai 32,090 di sekolah rendah dan 18,242 di sekolah menengah. Seramai 1,862 guru di sekolah rendah dan 251 guru di sekolah menengah yang mengajar bahasa Iban. Bagi Bahasa Semai, terdapat seramai 1,760 murid dan 1760 guru yang terlibat di 29 buah sekolah rendah.